

PSP terima anugerah emas

PERMATANG PAUH - Politeknik Seberang Perai (PSP) menempa kejayaannya apabila memperoleh anugerah emas pada Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2015 (APIC).

Program di bawah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang berlangsung di Sunway Pyramid Conventin Centre itu melibatkan 218 kumpulan terdiri daripada institut pengajian tinggi sektor awam dan swasta.

PSP yang diwakili kumpulan FM6 terdiri daripada lapan ahli diketuai Padzilah Darus dan dibimbing Fasilitator Wan Nur Wahidah Hashim mempertandingkan sistem i-SC.

Sistem itu digunakan untuk menyediakan

kad pelajar dengan lebih efisien.

Ciri-ciri yang ada pada sistem itu adalah boleh membaca data terus dari mykad, imej boleh dipotong menggunakan *face detection* dan *upperbody detection* secara serentak serta boleh menggunakan tetikus untuk mempercepatkan pengesanan imej.

Selain itu, sistem itu boleh dihubungkan dengan pangkalan data SPMP sedia ada dan kad pelajar yang siap diproses boleh dicetak di tempat yang berbeza melalui sistem rangkaian.

Sistem ini dibangunkan bagi mempercepatkan proses pelajar mendapatkan kad mereka semasa hari pendaftaran.



PSP menerima anugerah emas dalam konvensyen berkenaan.